



**RABU, 12 JUN 2024
UNTUK SIARAN SEGERA**

**CAAM LANJUT TEMPOH PENGGANTUNGAN SIJIL PERAKUAN
PENGENDALI UDARA (AOC) SYSTEMATIC AVIATION SERVICES**

PUTRAJAYA - Pihak Berkuasa Penerbangan Awam Malaysia (CAAM) melanjutkan tempoh penggantungan sementara Sijil Perakuan Pengendali Udara (AOC) bagi syarikat Systematic Aviation Services Sdn. Bhd. (SAS) di bawah peraturan 193(3), Peraturan-Peraturan Penerbangan Awam 2016 selama 52 hari berkuatkuasa 10 Jun 2024 sehingga tarikh akhir sah perakuan AOC syarikat itu pada 31 Julai 2024.

Dalam tempoh penggantungan itu, SAS disarankan untuk melaksanakan pematuhan terhadap segala keperluan kawal selia yang ditetapkan serta garis masa bagi memperoleh kelulusan sewajarnya daripada Suruhanjaya Penerbangan Malaysia (MAVCOM) agar dapat beroperasi semula dengan selamat.

Sebagai badan kawal selia teknikal bagi industri penerbangan di Malaysia, CAAM bertanggungjawab mengawasi segala aspek teknikal pengoperasian udara bagi memastikan semua piawaian keselamatan dan sekuriti dipatuhi.

CAAM mengeluarkan AOC bagi memberi kelulusan kepada pengendali operasi udara untuk terlibat dalam pengoperasian pesawat tertentu dan antara aspek utama yang dinilai untuk pemberian dan pembaharuan AOC adalah kemampuan pihak pengendali operasi udara untuk menjalankan pengoperasian yang selamat dan selaras dengan peruntukan spesifikasi operasi.

CAAM menjalankan audit keselamatan terperinci untuk menilai keupayaan dan kecekapan pengendali operasi udara dalam bidang pengangkutan udara komersial, operasi dan *airworthiness*.

DATO' KAPTEN NORAZMAN BIN MAHMUD
Ketua Pegawai Eksekutif
Pihak Berkuasa Penerbangan Awam Malaysia